

CNS4454

U GB 31-07 00229 BA411

aab

Mahathir - LIMA

LIMA '93 DIJANGKA LEBIH BESAR DARI LIMA '91

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persiapan untuk Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA '93) dan yakin ia akan menjadi pameran lebih besar daripada yang diadakan dua tahun lepas.

Perdana Menteri berkata bahawa setakat ini hampir 400 syarikat dari 30 negara mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran itu. Disember ini berbanding dengan penyertaan 14 negara dalam LIMA '91.

Oleh kerana sambutan yang menggalakkan, dewan pameran LIMA yang sedang dalam pembinaan di lapangan terbang di sini dijangka tidak mencukupi dan dewan pameran sementara, berhawa dingin akan dibina bagi menampung kekurangan ruang pameran, katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai persiapan pameran itu oleh agensi dan jabatan kerajaan serta penganjur LIMA '93, Le Proton LIMA Sdn Bhd, di hotel Sheraton Langkawi Resort di sini hari ini.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff dan Pengerusi Le Proton LIMA Sdn Bhd, Datuk Radzi Manan.

Dr Mahathir berkata, antara acara istimewa yang akan diadakan sempena LIMA '93 ialah persidangan yang akan membincangkan dua tajuk penting, iaitu mengenai penerbangan jarak jauh yang mempunyai penumpang yang sedikit dan mengenai syarikat penerbangan serta lapangan terbang. -- lagi

▼31/07/15-18MSH

CNS4468

R GB 31-07 00182 IIA417

aab

Mahathir - LIMA 21 Langkawi

Perdana Menteri juga mengesahkan beliau akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan itu.

Ketika ditanya sama ada dewan pameran LIMA dapat disiapkan menjelang September, Dr Mahathir berkata beliau yakin ia dapat disiapkannya dalam tempoh itu memandangkan syarikat yang membinanya mahu menjaga nama baik syarikat.

"Saya yakin ia dapat disiapkan kerana syarikat itu adalah syarikat yang sama dengan yang telah berjaya menyiapkan hotel 300 bilik dalam tempoh 52 hari semasa LIMA 91," katanya.

Mengenai kedudukan LIMA berbanding dengan pertunjukan udara antarabangsa lain, Dr Mahathir berkata: "Setakat ini LIMA telah mendapat pengiktirafan sebagai satu pertunjukan udara antarabangsa dan ia termasuk dalam kalendar pertunjukan udara antarabangsa."

Menurut majalah yang diterbitkan oleh penganjur LIMA, Berita LIMA '93 (LIMA '93 News), sehingga 21 Julai, 303 syarikat telah menyatakan hasrat mereka secara bertulis untuk menyertai LIMA '93 dan keseluruhan ruang pameran bertutup yang ditempah oleh peserta setakat ini berjumlah 6,550 meter persegi. Kesemua 15 buah chalet, keseluruhan tempat letak pesawat dan marina untuk pameran bot juga habis ditempah. -- lagi

▼31/07/15-47MSH

CNS4488

R GB 31-07 00237 BA424

aab

Mahathir - LIMA 3 (Akhir) Langkawi

Antara syarikat penerbangan dan maritim antarabangsa yang akan menyertai LIMA '93 ialah Aerospatiale, Airbus Industrie, General Dynamics, Brooks Yachts, Asmar Shipbuilding & Docking, Pilatus Aircraft, McDonnell Douglas dan Lockheed.

Menurut majalah itu, 33 syarikat/kumpulan telah mengesahkan akan mempamerkan pesawat masing-masing untuk pameran statik dan penerbangan manakala 50 bot disediakan untuk pameran maritim. Antara pesawat yang akan dipamerkan ialah ATR, Beechcraft, helikopter Chinook dan pesawat F/A-18.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai lawatan Yasser Arafat, Dr Mahathir berkata, Malaysia mendapat penjelasan daripada pemimpin PIO itu mengenai proses rundingan damai yang banyak syaratnya dapat diterima oleh pihak Palestin tetapi tidak mahu diterima oleh Amerika Syarikat dan Israel menyebabkan rundingan damai itu terbuntu.

Katanya, Malaysia akan sentiasa memberikan sokongan moral kepada perjuangan rakyat Palestin.

Sebaik saja tiba untuk lawatan sehari, Dr Mahathir mengunjungi gerai jualan barangan cenderamata sempena LIMA '93 yang dikendalikan oleh Nona Marketing Sdn Bhd di terminal lapangan terbang itu dan diberi penjelasan oleh pengarah syarikat itu, Pengku Farah Lucia Rithauddeen.

Syarikat itu mengadakan jualan barangan cenderamata dan kenang-kenangan LIMA '93 di terminal lapangan terbang di sini mulai hari ini hingga pameran itu tamat Disember ini. Barangan itu antaranya kemeja T, pen, pemetik api, payung, rantai kunci dan topi.

Dr Mahathir juga melawat tapak pembinaan dewan pameran LIMA di kawasan lapangan terbang itu. -- Bernama

KHY MAI